| SMT            | teknologi lekapan permukaan ( <i>surface mount technology</i> )                                            |
| Sn             | timah ( <i>tin</i> )                                                                                       |
| SNIA           | Storage Networking Industry Association                                                                    |
| SSD            | pemacu keadaan pepejal ( <i>solid state drive</i> )                                                        |
| SSD enterprise | pemacu keadaan pepejal enterprise ( <i>enterprise solid state drive</i> )                                  |
| TBW            | <i>terabytes written</i>                                                                                   |
| TCT            | ujian kitaran suhu ( <i>temperature cycle test</i> )                                                       |
| THB            | pincang suhu kelembapan ( <i>temperature humidity bias</i> )                                               |
| UFS            | <i>universal flash storage</i>                                                                             |
| USB            | <i>universal serial bus</i>                                                                                |
| WLCSP          | <i>wafer level chip scale package</i>                                                                      |

## SENARAI SIMBOL

|                    |                                                                |
|--------------------|----------------------------------------------------------------|
| $C$                | nisbah keretakan sambungan pateri individu diperolehi dari DnP |
| $i=1$              | sambungan pertama pateri                                       |
| $\eta$             | keretakan sambungan pateri komponen elektronik ternormal       |
| $n$                | sambungan terakhir pateri                                      |
| $N$                | bilangan sambungan pateri bagi satu komponen                   |
| $N_i$              | bilangan sambungan pateri bagi mod keretakan ke-i              |
| $N_{\text{total}}$ | jumlah keseluruhan sambungan pateri bagi sesuatu komponen      |
| $\Sigma$           | jumlah semua peratus keretakan                                 |



## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi storan data telah melalui evolusi yang panjang, bermula daripada teknologi storan berasaskan media magnetik dan optikal kepada teknologi storan berasaskan semikonduktor. Pada peringkat awal, data digital banyak disimpan menggunakan media seperti pita magnetik, cakera liut, cakera keras magnetik dan cakera optikal seperti cakera padat (CD) serta cakera video digital (DVD). Walaupun teknologi ini memainkan peranan penting dalam pembangunan sistem pengkomputeran, teknologi ini mempunyai beberapa keterbatasan dari segi kelajuan capaian data, ketahanan mekanikal, saiz fizikal serta penggunaan tenaga. Keperluan terhadap sistem storan yang lebih pantas, lebih kecil, lebih cekap tenaga dan lebih tahan terhadap kejutan mekanikal telah mendorong perkembangan teknologi memori berasaskan semikonduktor. Dalam konteks ini, teknologi memori kilat, khususnya memori kilat NAND, telah menjadi asas penting kepada generasi baharu produk storan elektronik moden (Anzel et al. 2021).

Memori *flash* (*memory flash*) merupakan sejenis memori tidak meruap. Data yang disimpan dalam memori *flash* akan kekal walaupun bekalan kuasa dimatikan. Secara umum, teknologi memori kilat boleh dibahagikan kepada beberapa kategori, termasuk NOR *flash* dan NAND *flash*. NOR *flash* lazimnya digunakan untuk aplikasi yang memerlukan capaian rawak pantas kepada kod program. Manakala NAND *flash* lebih sesuai untuk aplikasi storan berkapasiti tinggi kerana kepadatan storan yang lebih baik dan kos setiap bit yang lebih rendah. Perkembangan teknologi NAND *flash* telah membolehkan penghasilan pelbagai bentuk produk storan bersaiz kecil tetapi berkapasiti besar (Raquibuzzaman et al. 2022). Antara produk yang menggunakan

NAND *flash* termasuk kad memori, pemacu *universal serial bus* (USB), *embedded multimedia card* (eMMC), *universal flash storage* (UFS), serta pemacu keadaan pepejal (SSD). Dalam kalangan produk tersebut, SSD merupakan salah satu aplikasi NAND *flash* yang paling penting. SSD digunakan secara meluas dalam komputer peribadi, komputer riba, pelayan, sistem pusat data dan aplikasi perusahaan berskala besar.

| Teknologi            | Contoh Produk Storan                                                                                                                                                                          |
|----------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Optikal              |  <div> <div>Cakera Padat</div> <div>Cakera Digital Video</div> <div>Cakera Blu-ray</div> </div>             |
| Magnetik             |  <div> <div>Cakera Liut</div> <div>Pemacu Cakera Keras</div> </div>                                        |
| Memori Kilat (Flash) |  <div> <div>Kad Memori</div> <div>Pemacu Memori Pena</div> <div>Pemacu Keadaan Pepejal (SSD)</div> </div> |

Rajah 1.1 Jenis-jenis teknologi dan contoh produk storan komersial yang digunakan secara meluas dalam aplikasi pengguna dan industri.

Sumber: SNIA (2024)

SSD tidak mempunyai komponen mekanikal bergerak jika dibandingkan dengan pemacu cakera keras (HDD). SSD menawarkan kelajuan capaian data yang lebih tinggi, masa tindak balas yang lebih rendah, ketahanan yang lebih baik terhadap kejutan fizikal serta penggunaan tenaga yang lebih cekap (Hassani et al. 2026). SSD juga mempunyai kelebihan dari segi kebolehskalaan kapasiti, ketumpatan storan dan kesesuaian untuk aplikasi berprestasi tinggi. Dalam persekitaran pusat data dan sistem perusahaan, SSD *enterprise* digunakan untuk menyokong aplikasi kritikal seperti pengkomputeran awan (*cloud computing*), analitik data berskala besar, kecerdasan buatan (AI), pemprosesan

transaksi, penyimpanan kandungan digital dan infrastruktur pelayan (*server*) beroperasi 24 jam (Ha & Son, 2026). Oleh itu, kebolehharapan SSD *enterprise* merupakan aspek penting kerana sebarang kegagalan boleh memberi kesan terhadap kesinambungan operasi sistem, integriti data dan kos penyelenggaraan.

Dari sudut reka bentuk fizikal, SSD boleh hadir dalam pelbagai *form factor* bergantung kepada aplikasi dan persekitaran penggunaannya. Antara *form factor* yang lazim digunakan dalam industri termasuk 2.5 inci U.2/U.3, M.2, *add-in card* (AIC) serta *form factor* baharu untuk pusat data contohnya seperti *enterprise and datacenter standard form factor* (EDSFF) (Lau et al. 2021), termasuk keluarga E1 dan E3 seperti yang dirujuk dalam panduan *Storage Networking Industry Association* (SNIA 2024). Setiap *form factor* mempunyai ciri reka bentuk mekanikal, kaedah sambungan, had ruang, kaedah penyejukan dan susun atur papan litar yang berbeza. Dalam kajian ini, skop diberikan kepada SSD *enterprise* yang mempunyai *form factor* U.2 sahaja. Pemilihan U.2 dibuat kerana *form factor* ini banyak digunakan dalam aplikasi perusahaan dan pusat data. Selain itu, U.2 mempunyai struktur mekanikal yang mantap. Ini membolehkan penilaian kebolehharapan sambungan pateri dilakukan pada peringkat papan litar secara lebih terkawal. Dengan menghadkan kajian kepada satu *form factor*, variasi akibat perbezaan geometri papan litar bercetak (PCB), perumah, laluan haba dan susun atur komponen dapat dikurangkan, sekali gus membolehkan kesan profil ujian TCT terhadap sambungan pateri dinilai dengan lebih konsisten.

Struktur produk SSD *enterprise* lazimnya terdiri daripada perumah mekanikal, penyambung antara muka, PCB atau pemasangan PCB (PCBA) dan beberapa komponen elektronik utama. Komponen kritikal dalam SSD termasuk *controller* SSD, cip memori NAND, memori sementara seperti memori capaian rawak kadar data berganda (DDR-RAM) dan litar bersepadu pengurusan kuasa (PMIC). SSD berfungsi sebagai pusat kawalan yang mengurus komunikasi antara hos dan NAND, termasuk fungsi seperti pengurusan data, pemetaan alamat, pembetulan ralat, enkripsi data (*data encryption*) dan kawalan prestasi. Komponen NAND berfungsi sebagai medium utama penyimpanan data. Manakala, komponen DDR-RAM digunakan sebagai memori sementara untuk mempercepat akses data dan menyokong operasi komponen *controller*. Komponen PMIC pula bertanggungjawab mengawal dan mengagihkan bekalan kuasa

kepada komponen-komponen dalam SSD. Kesemua komponen ini dipasang pada PCB melalui sambungan pateri, yang berfungsi sebagai laluan elektrik dan elemen sokongan mekanikal.

Dalam teknologi pempakejan elektronik moden, komponen seperti *controller*, NAND dan DDR-RAM sering menggunakan pakej tatasusunan grid bebola (BGA). Komponen BGA menggunakan banyak bebola pateri bahagian bawah pakej sebagai sambungan kepada pad pada papan litar (Chen et al. 2026b). Struktur asas sambungan BGA terdiri daripada substrat pakej, bebola pateri, pad tembaga pada PCB, lapisan antara muka logam dan bahan pateri yang membentuk sambungan setelah melalui proses pematerian aliran semula. Kelebihan BGA termasuk ketumpatan sambungan yang tinggi, prestasi elektrik yang baik dan kesesuaian untuk komponen berbilang pin tinggi. Walau bagaimanapun, sambungan BGA juga terdedah kepada tegasan termomekanikal akibat perbezaan pekali pengembangan terma (CTE) antara pakej, pateri dan PCB. Apabila SSD mengalami kitaran suhu berulang, bahan-bahan tersebut mengembang dan mengecut pada kadar yang berbeza, menyebabkan tegasan terkumpul pada sambungan pateri. Dalam jangka masa panjang, keadaan ini boleh menyebabkan kelesuan terma, pembentukan mikroretakan dan perambatan retakan pada bebola pateri (Li et al. 2023).

Selain komponen BGA, komponen seperti komponen PMIC lazimnya menggunakan pakej *quad flat no-lead* (QFN). Komponen QFN mempunyai pad sambungan pada bahagian bawah atau sisi bawah pakej dan tidak mempunyai kaki luar seperti pakej konvensional (Putuala et al. 2026). Walaupun komponen QFN menawarkan saiz kecil, prestasi elektrik yang baik dan laluan haba yang lebih cekap melalui pad terma, struktur sambungannya cenderung lebih tegar berbanding komponen BGA. Ketiadaan bebola pateri sebagai elemen yang boleh menyerap sebahagian ubah bentuk menjadikan sambungan komponen QFN lebih peka terhadap ketidakpadanan CTE, perubahan suhu dan tegasan pada pad sambungan. Oleh itu, dalam SSD *enterprise*, kedua-dua jenis komponen BGA dan QFN perlu dinilai kerana mekanisme kerosakan sambungan pateri bagi setiap pakej adalah berbeza. Perbezaan inilah yang menjadikan penilaian kebolehharian pada peringkat papan litar lebih mencabar, terutamanya apabila pelbagai jenis komponen dipasang pada satu PCBA yang sama.

Bagi menilai kebolehharapan sambungan pateri di bawah pengaruh perubahan suhu, industri semikonduktor menggunakan ujian kitaran suhu (TCT) sebagai salah satu ujian pecutan hayat. Ujian TCT mendedahkan produk atau komponen kepada suhu rendah dan suhu tinggi secara berulang bagi mensimulasikan tegasan terma yang mungkin dialami sepanjang hayat operasi. Parameter penting dalam TCT termasuk julat suhu minimum dan maksimum, masa rendaman pada suhu tertentu, masa perubahan (*ramp*) suhu serta jumlah kitaran. Dalam konteks SSD *enterprise*, pemilihan profil ujian TCT yang sesuai adalah penting kerana setiap profil ujian TCT menghasilkan tahap tegasan termomekanikal yang berbeza terhadap komponen. Profil ujian TCT yang terlalu ringan mungkin gagal mendedahkan kelemahan reka bentuk. Manakala profil yang terlalu agresif pula boleh menyebabkan keadaan *over-stress* yang tidak semestinya mewakili penggunaan sebenar. Oleh itu, kajian ini menilai beberapa profil ujian TCT yang berbeza bagi mengenal pasti hubungan antara keparahan profil ujian TCT dan tahap keretakan sambungan pateri.

Walaupun ujian kefungsian elektrik mampu menentukan sama ada SSD *enterprise* masih beroperasi selepas ujian TCT (Zhou et al. 2025). Ujian ini tidak semestinya mampu mengesan kerosakan separa atau mikroretakan pada sambungan pateri. Sambungan pateri yang telah mengalami retakan sebahagian masih boleh mengekalkan laluan elektrik yang mencukupi untuk membolehkan SSD *enterprise* lulus ujian fungsi. Namun begitu, retakan tersebut boleh terus berkembang akibat pendedahan terma berulang dan akhirnya menyebabkan kegagalan musnah dalam operasi sebenar. Justeru, analisis kegagalan fizikal seperti penembusan pewarna dan pemisahan (DnP) diperlukan sebagai kaedah pelengkap. Melalui DnP, pewarna akan menembusi kawasan retakan pada sambungan pateri dan membolehkan tahap kerosakan diperhatikan secara visual menggunakan mikroskop. Data keretakan yang diperoleh kemudiannya boleh digredkan dan digunakan untuk membangunkan metrik kuantitatif yang lebih bermakna.

Sehubungan itu, kajian ini memperkenalkan indeks keretakan sambungan pateri komponen elektronik ternormal,  $\eta$  (indeks  $\eta$ ) sebagai pendekatan kuantitatif bagi menilai keparahan keretakan sambungan pateri dalam beberapa komponen kritikal SSD *enterprise*. Komponen kritikal ini merupakan komponen yang sangat mempengaruhi prestasi keseluruhan SSD *enterprise* terutamanya dalam proses pemasangan dan

pengujian. Kegagalan komponen kritikal semasa pemasangan dan pengujian memberi implikasi yang besar kepada syarikat pembuatan SSD *enterprise*. Contoh implikasi adalah proses kerja semula yang sangat berisiko sekiranya berlaku kegagalan pada komponen kritikal SSD *enterprise*.

Indeks  $\eta$  dibangunkan dengan mengambil kira nisbah keretakan sambungan pateri bagi setiap sambungan serta jumlah sambungan pateri bagi komponen tersebut. Pendekatan ternormal ini membolehkan perbandingan yang lebih adil antara komponen yang mempunyai bilangan sambungan berbeza, seperti *controller*, NAND, DDR dan PMIC. Dengan menggabungkan keputusan TCT, analisis DnP dan pengiraan indeks  $\eta$ , kajian ini menyediakan satu kaedah penilaian kebolehharapan yang lebih menyeluruh berbanding penilaian lulus/gagal elektrik semata-mata. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemilihan profil ujian TCT yang lebih tepat, penambahbaikan reka bentuk sambungan pateri, serta strategi kelayakan SSD *enterprise* yang lebih berasaskan data.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

SSD *enterprise* telah digunakan secara meluas dalam aplikasi perusahaan dan pusat data. Walaubagaimanapun, isu kebolehharapan sambungan pateri elektronik pada peringkat papan litar masih kekal sebagai cabaran utama dalam reka bentuk dan kelayakan produk. Dalam persekitaran operasi sebenar, SSD *enterprise* terdedah kepada kitaran suhu berulang akibat perubahan beban kerja dan keadaan persekitaran pusat data, yang boleh menyebabkan kelesuan terma dan pembentukan retakan pada sambungan pateri (Arfaei et al. 2013; Hwang dan Vargas, 1990).

Dalam amalan industri, TCT digunakan secara meluas sebagai kaedah pecutan jangka hayat untuk menilai kebolehharapan produk elektronik termasuk SSD *enterprise*. Walau bagaimanapun, pemilihan profil ujian TCT dan bilangan kitaran ujian lazimnya ditentukan berdasarkan keperluan piawaian industri, seperti garis panduan JEDEC, atau spesifikasi pelanggan tanpa mengambil kira secara langsung tahap keparahan kerosakan fizikal sebenar yang berlaku pada sambungan pateri (JEDEC 2023; Jeon et al. 2021). Dalam kebanyakan situasi, penilaian kebolehharapan banyak bergantung kepada keputusan ujian kefungsiian elektrik, yang hanya mampu mengenal pasti kegagalan

musnah (*catastrophic failure*), tetapi tidak sensitif terhadap kewujudan kerosakan awal atau separa seperti mikroretakan pada sambungan pateri, kerana peranti masih boleh berfungsi. Keadaan ini mewujudkan jurang antara status “lulus” secara elektrik dengan keadaan sebenar sambungan pateri, yang berpotensi mengalami degradasi fizikal secara berterusan dan akhirnya menyebabkan kegagalan dalam operasi jangka panjang.

Pemilihan profil ujian TCT dalam pembangunan dan kelayakan SSD *enterprise* turut dipengaruhi oleh kekangan kos dan keupayaan operasi di peringkat industri. Dalam persekitaran pembuatan sebenar, profil ujian TCT yang digunakan lazimnya tertakluk kepada kemudahan peralatan yang sedia ada di kilang, termasuk had julat suhu, kapasiti kebuk ujian TCT, serta keupayaan pengendalian beban ujian. Pemilihan suhu ujian pula sering dipacu oleh keperluan pelanggan dan spesifikasi reka bentuk SSD *enterprise*, khususnya sensitiviti komponen terhadap suhu. Sebagai contoh, komponen seperti PMIC lebih sensitif kepada suhu tinggi dan cenderung menunjukkan kerosakan ketara pada profil dengan amplitud suhu yang besar, manakala komponen NAND lebih sensitif kepada jumlah kitaran berulang yang tinggi, terutamanya melebihi 500 kitaran TCT. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan terhadap parameter TCT seperti peningkatan julat suhu atau bilangan kitaran akan memberi kesan langsung kepada kos pembangunan, termasuk keperluan penggunaan peralatan baharu seperti kebuk TCT yang lebih canggih, peningkatan masa ujian, serta pertambahan penggunaan sumber manusia bagi menjalankan dan memantau ujian tersebut. Di samping itu, tempoh ujian yang lebih panjang juga boleh menjejaskan *time-to-market*, yang merupakan faktor kritikal dalam pembangunan produk elektronik. Oleh itu, pemilihan profil ujian TCT dalam industri sering melibatkan kompromi antara tahap keparahan ujian, kos pembangunan, serta keperluan jadual projek yang secara tidak langsung boleh mengakibatkan profil ujian yang dipilih tidak sepenuhnya mencerminkan tahap kerosakan fizikal sebenar sambungan pateri.

Walaupun analisis kegagalan fizikal seperti kaedah DnP mampu memberikan maklumat kuantitatif mengenai peratusan retakan sambungan pateri, perbandingan tahap keparahan retakan antara komponen yang mempunyai bilangan sambungan pateri yang berbeza masih menjadi satu cabaran (Castello et al. 2006; IPC 2017). Ketiadaan satu kaedah penilaian yang ternormal menyebabkan keputusan kebolehharapan sukar

dibandingkan secara adil antara profil ujian TCT yang berbeza. Oleh itu, satu pendekatan baharu diperlukan bagi menilai kebolehharian sambungan pateri SSD *enterprise* secara lebih sistematik dan bermakna.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk membangunkan satu pendekatan penilaian yang ternormal bagi menentukan tahap keparahan retakan sambungan pateri elektronik dalam SSD *enterprise*. Secara khusus, objektif kajian ini adalah:

- i. Menilai kesan profil ujian TCT yang berbeza terhadap kebolehharian sambungan pateri komponen kritikal SSD *enterprise*.
- ii. Menganalisis tahap retakan sambungan pateri elektronik menggunakan kaedah DnP.
- iii. Membangunkan indeks  $\eta$  bagi membolehkan perbandingan tahap keparahan retakan dilakukan secara adil.
- iv. Menentukan hubungan antara keparahan profil ujian TCT dan nilai indeks  $\eta$  sebagai asas kepada penilaian kebolehharian SSD *enterprise*.

### 1.4 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini ditumpukan kepada penilaian kebolehharian sambungan pateri elektronik pada peringkat papan litar (*board-level*) bagi sistem SSD *enterprise* yang diuji di bawah TCT. Analisis dilakukan melalui gabungan ujian kefungsiian elektrik, analisis DnP dan pembinaan indeks  $\eta$ . Bagi memastikan ketekalan eksperimen dan kebolehbandingan hasil, ruang lingkup *form factor* difokuskan kepada *form factor* U.2 sahaja. Penilaian dilaksanakan pada peringkat papan litar SSD *enterprise*, bukan tahap sub pakej (*die level*) dan bukan juga tahap sistem penuh rak/pelayan. Ujian TCT dilaksanakan dalam mod tidak beroperasi (*non operational*) untuk mengasingkan kesan tegasan terma kitaran ke atas sambungan pateri tanpa variasi beban elektrik. Ujian fungsi elektrik digunakan sebagai saringan lulus/gagal sebelum dan selepas TCT. Skop kajian

ini tidak merangkumi gabungan beban persekitaran lain seperti kelembapan, kejutan/getaran atau pincang elektrik semasa ujian TCT.

### 1.5 LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian ini adalah hasil indeks  $\eta$ , implikasi reka bentuk/proses dan cadangan pemilihan profil ujian TCT berasaskan komponen penggerak adalah spesifik *form factor* U.2 Kajian tidak menilai impak faktor *form factor* terhadap arus udara sebenar rak, profil beban kerja termal (operasi), atau halangan mekanikal perumahan. Maka, ekstrapolasi kepada M.2, E1.S/E1.L atau E3 hendaklah dibuat dengan kajian tambahan yang mengawal pembolehubah termomekanikal mengikut *form factor* masing masing, sebagaimana dikatalogkan oleh SNIA (2024).

Limitasi kajian adalah jenis *form factor* lain contohnya M.2, E1.S, E3 dengan reka bentuk papan dan keadaan penyejukan yang setara untuk menilai kesahan dan dapatan indeks  $\eta$  kajian ini. Kajian ini tidak menggunakan ujian TCT yang memasukkan beban elektrik (IO/kuasa) sambil mengekalkan kawalan *form factor*, terutamanya bagi *form factor* kelas E yang direka untuk pusat data berketumpatan tinggi mengikut taksonomi SNIA (2024) bagi melihat interaksi antara tegasan termal dan arus/beban terhadap indeks  $\eta$ . Skop kajian ini memberi fokus kepada *form factor* U.2 bagi memaksimumkan kebolehulangan dan kejelasan isyarat indeks  $\eta$ . Sebarang peluasan dapatan kepada *form factor* lain (M.2, E1, E3) memerlukan kajian susulan yang mematuhi taksonomi *form factor* seperti dihuraikan oleh SNIA (2024).

### 1.6 KEASLIAN KAJIAN

Keaslian kajian ini adalah menghasilkan satu pendekatan baharu dalam menilai kebolehharapan sambungan pateri elektronik SSD *enterprise* yang melangkaui penilaian kefungsiian elektrik semata-mata. Pengenalan indeks ternormal  $\eta$  membolehkan tahap keparahan retakan sambungan pateri dibandingkan secara lebih objektif antara profil ujian TCT yang berbeza. Dapatan kajian ini dijangka dapat membantu pihak industri dalam membuat keputusan berkaitan pemilihan profil ujian TCT, bilangan kitaran ujian TCT dan strategi reka bentuk untuk kebolehharapan (DfR) bagi meningkatkan kebolehharapan SSD *enterprise* (Jeon et al. 2021). Sumbangan utama kajian ini adalah

pembangunan satu indeks  $\eta$  pada peringkat papan litar. Indeks  $\eta$  yang dicadangkan membolehkan perbandingan tahap keparahan kerosakan dilakukan secara kuantitatif dan adil antara komponen serta profil ujian TCT yang berbeza. Selain itu, kajian ini menyumbang data empirikal berkaitan kesan profil ujian TCT terhadap kebolehharapan sambungan pateri SSD *enterprise* yang boleh dijadikan rujukan oleh penyelidik dan pihak industri dalam pembangunan produk storan berprestasi tinggi.

## 1.7 ORGANISASI TESIS

Tesis ini terdiri daripada lima bab. Bab 1 menerangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif, skop dan keaslian kajian. Bab 2 mengulas kajian literatur berkaitan kebolehharapan sambungan pateri, TCT dan kaedah analisis kegagalan sambungan pateri. Bab 3 menghuraikan metodologi kajian termasuk reka bentuk eksperimen, profil ujian TCT dan kaedah analisis. Bab 4 membincangkan keputusan kajian dan perbincangan. Bab 5 mengemukakan kesimpulan serta cadangan untuk kajian masa hadapan.

## RUJUKAN

- Agirrezabala, E., Aizpuru, I., Garrido, D., & Portillo, A. 2025. Reliability of power semiconductor modules: A state-of-the-art review. *IEEE Open Journal of Power Electronics* 6: 1036-1067.
- Allison, M., George, A., Gonzalez, J., Helmick, D., Kumar, V., Nair, R.R., & Shah, V. 2025. Towards efficient flash caches with emerging NVMe flexible data placement SSDs. *In EuroSys '25*: 1143-1160.
- Almaetah, Y., Santos, D.L., Patel, D., Scheid, J., Huang, Y., Pantone, M., & Shindadkar, S. 2025. The effects of temperature and relative humidity on intermetallic compound layer growth: Implications for solder joint reliability. *In 2025 Pan Pacific Strategic Electronics Symposium (Pan Pacific)*: 1-9.
- Anžel, A., Heider, D. & Hattab, G. 2021. The visual story of data storage: From storage properties to user interfaces. *Computational and Structural Biotechnology Journal* 19: 4904-4918.
- Apalowo, R.K., Abas, M.A., Mukhtar, M.A.F.M., and Ramli, M.R. 2025. Investigation of the Impacts of Solder Alloy Composition and Temperature Profile on Fatigue Life of Ball Grid Array Solder Joints Under Accelerated Thermal Cycling. *ASME. J. Electron. Packag* 147(1): 011005.
- Arfaei, B., Mahin-Shirazi, S., Joshi, S., Anselm, M., Borgesen, P., Cotts, E., Wilcox, J. & Coyle, R. 2013. Reliability and failure mechanism of solder joints in thermal cycling tests. *IEEE 63rd Electronic Components and Technology Conference*: 976-985.
- Bakar, M.A., Sunar, M.S.M., Jalar, A., Atiqah, A., Che Ani, F., Ahmad, I., & Zolkefli, Z.E. 2023. Effect of Sn plating thickness on wettability, solderability, and electrical connections of electronic lead connectors for surface mount technology applications. *Sains Malaysiana* 52(11): 3261-3272.
- Bakonyi, A., Bodnár, L., & Zelei, A. 2026. Sensitivity Analysis of SAC 305 Solder Polycrystal Mechanical Parameters and Predicted Fatigue Lifetime with Different Grain Structures. *Applied Sciences* 16(2): 704.
- Basiron, E., Ismail, A.A., Jalar, A., Bakar, M.A., & Ahmad, A. 2025. Board level-component solder joints normalized crack severity index of solid-state drive with different reliability temperature cycle test profiles. *IEEE Transactions on Device and Materials Reliability* 25(3): 473-480.
- Blaabjerg, F., Zhang, K., Song, Y., Zhang, Y., Yao, B. & Novak, M. 2026. Advances in reliability and artificial intelligence for power electronic systems. *IEEE Transactions on Power Electronics* 41(8): 12386-12409.
- Bender, E., Bernstein, J.B., & Boning, D.S. 2024. Modern Trends in Microelectronics

Packaging Reliability Testing. *Micromachines* 5(3): 398.

Borghesi, M., Zambelli, C., Micheloni, R., & Bonnini, S. 2023. Modeling 3D NAND Flash with Nonparametric Inference on Regression Coefficients for Reliable Solid-State Storage. *Future Internet* 15(10): 319.

Botter, N., Khazaka, R., Avenas, Y., Missiaen, J.-M., Bouvard, D. & Azzopardi, S. 2023. Effect of large amplitude thermal cycles on power assemblies based on ceramic heat sink and multilayer pressure less silver sintering. *IEEE Transactions on Device and Materials Reliability* 23(2): 211-218.

Castello, T., Rooney, D. & Shangguan, D. 2006. Failure analysis techniques for lead-free solder joints. *Soldering & Surface Mount Technology* 18(4): 21-27.

Che, F.X., Ong, Y.C., Ng, H.W., Gan, C.L. & Kumar, G. 2024. Investigation on memory package crack and prevention under temperature cycling test. *Materials Science in Semiconductor Processing* 180: 108560.

Chen, L., Wu, J., Liu, H., Niu, F., Huang, L., Jiang, P., & Liu, J. 2026a. Development and practical advances in integrated circuit electromagnetic reliability over the last decade. *IEEE Transactions on Reliability* 75: 819-832.

Chen, Y., Wei, X., Huang, C., Chen, X., Zhao, P., Leng, W., Zhang, C. & Ji, C. 2026b. Thermo-vibration coupled reliability methodology of BGA solder joints considering the preload effect of heat sink bolts. *Microelectronics Reliability* 181: 116139.

Chen, Z., Zhao, G., Quan, W., Xie, Z., Zhang, Y., & Cao, Y. 2026c. A holistic process-chain optimization framework for high-reliability high-I/O silicon-to-silicon flip-chip packaging. *IEEE Transactions on Components, Packaging and Manufacturing Technology* 16(5): 1137-1147.

Choudhury, P., Ribas, M., Augustine, P., Sarkar, S., Salerno, P., Lifton, A., Xie, L., Lai, S. Y., Subbarayan, G., & Blendell, J. 2026. Exploring the next-generation high-reliability lead-free solder alloy. *SMTA Journal* 39(1): 24-30.

Collins, D.H., Huzurbazar, A.V., & Warr, R.L. (2024). Highly accelerated life testing (HALT): A review from a statistical perspective. *WIREs Computational Statistics* 16(4): e70000.

Deng, Y., Chen, S., Liu, P., Lu, G., Yang, X., Zhao, Y., & Jian, X. 2026. Failure Behavior and Mechanism of Solder Joint Under Thermal Mechanical Coupling Loads. *Materials* 19(3): 640.

Deo, K.A., Park, S. & Kono, R.-N. 2023. Influence of copper pad dimension on thermal fatigue life performance of BGA packages. *IEEE Transactions on Components, Packaging and Manufacturing Technology* 13(9): 1388-1398.

Depiver, J.A., Mallik, S., & Amalu, E.H. 2023. Characterising solder materials from

- random vibration response of their interconnects in BGA packaging. *Journal of Electronic Materials* 52: 4655–4671.
- Dubek, K., Schneidhofer, C., Dörr, N., Rojacz, H., Plank, B., & Schmid, U. 2025. Accelerated lifetime estimation and failure analysis of micromachined humidity sensors under high temperature and high humidity conditions. *Microelectronics Reliability* 174: 115885.
- Galvan, S., & Sullivan, D.J.D. 2025. Enhanced dye and pull analysis for CSP package types. Dalam *2025 IEEE International Reliability Physics Symposium (IRPS)*: 1-4.
- Gau, Y.Y., Loke, B.C., Tan, W.Y., Ismail, M.F., & Lim, C.P. 2025. Failure analysis of latent defects in flip chip controllers under bias-HAST: Insights from assembly and test processes. In *2025 IEEE 32nd International Symposium on the Physical and Failure Analysis of Integrated Circuits (IPFA)*: 1-4.
- Gharaguzlo, M.M., Ajdari, M., & Asadi, H. 2026. Smart prediction of I/O accesses in enterprise workloads to accelerate data serving during array reconstruction. *IEEE Computer Architecture Letters* 25(1): 101-104.
- Gharaibeh, A., Dayoub, A., Berényi, R., & Medgyes, B. 2025. Electrochemical migration: A short state-of-the-art overview. In *2025 IEEE 31st International Symposium for Design and Technology in Electronic Packaging (SIITME)*: 152-155.
- Gramacho, A., Prazeres, B., Souza, L.M., Garcia, F., Beal, V., & Lepikson, H. (2025). Environmental stress screening applied on quality control of electronic modules purposed for harsh conditions. In *2025 16th IEEE International Conference on Industry Applications (INDUSCON)*: 35-39.
- Guo, F., Du, Y., Ji, X. & Wang, Y. 2023. Recent progress on thermo-mechanical reliability of Sn-based alloys and composite solder for microelectronic interconnection. *Acta Metall Sin* 59(6): 744-756.
- Ha, J. Y. & Son, Y. 2026. Design and implementation of a fast and predictable SSD liveness watchdog for storage systems. *Future Generation Computer Systems*, 184: 108633.
- Hani, D.B., Al Athamneh, R., Abueed, M., & Hamasha, S. 2023. Reliability modeling of the fatigue life of lead-free solder joints at different testing temperatures and load levels using the Arrhenius model. *Scientific Reports* 13: 2493.
- Hassani, F.S., Gheibi-Fetrat, A., Vanestan, S.B., Gholipoor, M., Zoufan, S., Lee, J.-A. & Sarbazi-Azad, H. 2026. A survey on SSD wear leveling techniques. *Computer Science Review* 60: 100891.
- Huang, Z. 2025. Application of accelerated life testing in solder joint life prediction. *Journal of Manufacturing Science and Mechanical Engineering* 3(1): 33–36.

- Hwang, J.S. & Vargas, R.M. 1990. Solder joint reliability-Can solder creep? *Soldering & Surface Mount Technology* 2(2): 38-45.
- Inamdar, A., Van Driel, W.D., & Zhang, G. 2025. Electronics packaging materials and component-level degradation monitoring. *Frontiers in Electronics* 6: 1506112.
- Inui, Y., Kan, D., Takahashi, M., Aoyama, M., Matsuo, N., Isomura, S., & Katoh, S. 2026. Integrated analysis of lock-in thermography, X-ray computed tomography, and scanning electron microscopy for rapid screening and characterization of defects in high-density semiconductor packages. *In 2026 Pan Pacific Strategic Electronics Symposium (Pan Pacific)*: 150-154.
- IPC. 2017. *IPC-TM-650 Test Methods Manual: Dye and Pull Test Method (Formerly Known as Dye and Pry)*. Nombor 2.4.53. Bannockburn, IL: IPC.
- Ismail, A.A., Bakar, M.A., Ehsan, A.A., Jalar, A., Basiron, E. & Ani, F.C. 2022. Cardinal and ordinal directions approach in investigating arrayed solder joints crack propagation of ball grid array semiconductor packages. *IEEE Transactions on Components, Packaging and Manufacturing Technology* 12(9): 1492-1501.
- Izamshah, R., Suieb, N., Kasim, M.S., Aziz, M.S.A., Yob, M.S., Sundi, S.A., Zamri, R., & Abdullah, R.S.A. 2022. Optimizing electroplating process parameter and Sn-plating thickness uniformity using modified shielding. *International Journal of Nanoelectronics and Materials* 15(Special Issue): 233-245.
- JEDEC. 2023. *JESD22-A104F.01 JEDEC Standard Temperature Cycling*. Arlington, USA: JEDEC Solid State Technology Association.
- Jeon, C., Choi, Y., Rhew, K., Bae, J., Cho, J. & Pae, S. 2021. A systematic study and lifetime modeling on the board level reliability of SSD after temperature cycling test. *2021 IEEE 71st Electronic Components and Technology Conference (ECTC)*: 1007-1013.
- Ji, B., Pickert, V., Cao, W., & Zahawi, B. 2013. In situ diagnostics and prognostics of wire bonding faults in IGBT modules for electric vehicle drives. *IEEE Transactions on Power Electronics* 28(12): 5568-5577.
- Kalay, M.S., & Akpolat, A.N. 2025. A systematic review on reliability and lifetime evaluation of power converters in power generation systems. *IET Renewable Power Generation* 19: 70111.
- Kim, B.J., Jeon, H., Kim, G., Cho, N.-H., Khim, J., & Kim, Y.K. 2022. Wettable flank routable thin MicroLeadFrame for automotive applications. *Microelectronics Reliability* 135: 114602.
- Kim, H., Hwang, J.Y., Kim, S.E., Joo, Y.-C., & Jang, H. 2023. Thermomechanical challenges of 2.5-D packaging: A review of warpage and interconnect reliability. *IEEE Transactions on Components, Packaging and Manufacturing Technology*

13(10): 1624-1641.

- Kim, K., Kim, Y., Kang, S., & Park, T.H. 2025. The effect of different metal pad sizes on shear stress in solder ball bonding. *J Mater Sci: Mater Electron* 36: 352.
- Kousar, S., Hansen, K., & Keller, T.F. 2022. Laser-Assisted Micro-Solder Bumping for Copper and Nickel–Gold Pad Finish. *Materials* 15(20): 7349.
- Lall, P., & Zhang, Y. 2026. Characterization of fatigue performance for bulk epoxy molding compound in sustained high temperature exposure up to 1 year aging. *Journal of Electronic Packaging* 148(1): 011009.
- Lau, C.S., Hilmi, A.F., Ye, N. & Yang, B. 2021. Board-level reliability performance of Enterprise and Datacenter SSD Form Factor (EDSFF). *Proceedings of the 2021 IEEE 71st Electronic Components and Technology Conference (ECTC)*: 1346-1352.
- Lee, H., Hong, S., Ji, J., & Kim, Y. 2026. Thermal Degradation Diagnosis of ATE Driver Boards Using ALT-Derived Cumulative Degradation Time. *Electronics* 15(3): 673.
- Li, L., Du, X., Chen, J., & Wu, Y. 2024. Thermal Fatigue Failure of Micro-Solder Joints in Electronic Packaging Devices: A Review. *Materials* 17(10): 2365.
- Li, Q., Liu, N., Yang, M., Wang, X., Huang, X., & Diao, R. 2025. Impact of molding compound CTE and mechanical constraint on solder joint fatigue life in QFN and BGA packages under thermal cycling. In *2025 26th International Conference on Electronic Packaging Technology (ICEPT)*: 1-5.
- Li, Q., Zhao, W., Zhang, W., Chen, W. & Liu, Z. 2023. Research on thermal fatigue failure mechanism of BGA solder joints based on microstructure evolution. *International Journal of Fatigue* 167(Part B):107356.
- Liao, H. 2024. Accelerated testing and smart maintenance: History and future. *IEEE Transactions on Reliability* 73(1): 33-37.
- Ling, Q., & Isa, N.A.M. 2023. Printed circuit board defect detection methods based on image processing, machine learning and deep learning: A survey. *IEEE Access* 11: 15921-15944.
- Liu, J., Saad, A. A., Zheng, Y., Ji, H., & Bachok, Z. 2026. Anand Model and Finite Element Analysis of Sn-0.3Ag-0.7Cu-3Bi Lead-Free Solder Joints in BGA Packages. *Materials* 19(3): 636.
- Lo, C.-H., Chang, T.-Y., Lee, T.-Y., & Hwang, S.-J. 2024. Analysis of warpage and reliability of very thin profile fine pitch ball grid array. *Heliyon* 10(15): e35459.
- Mayappan, R. 2024. The evolution of interfacial intermetallic compound growth and solder joint strength of Sn-40Pb/Cu under thermal aging. *Scientific Research Journal* 21(2): 57-72.

- Morettini, G., & Cianetti, F. 2026. Development of a random fatigue life prediction method for electronic components mounted on PCBs. *Procedia Structural Integrity* 79: 440-448.
- Nayini, M., Sinha, K., Shetty, T., Glancey, C., Wilson, K., Nune, P.N., & Ong, Y.C. 2025. Analysis of board level thermal cycling solder joint reliability of a wafer-level chip scale package. In *2025 IEEE 7th International Conference on Emerging Electronics (ICEE)*: 1-4.
- Nehruji, M., Sambasivam, S., Krishnasamy, S., & Nithyanandhan, A. 2026. Enhancing the fatigue life of PCB assemblies through strategic positioning and novel support techniques for BGA packages. *Journal of Microelectronics, Electronic Components and Materials* 56(1): 27-36.
- Nimbalkar, P., Bhaskar, P., Kathaperumal, M., Swaminathan, M., & Tummala, R.R. 2023. A Review of Polymer Dielectrics for Redistribution Layers in Interposers and Package Substrates. *Polymers* 15(19): 3895.
- Pádua, G.F.R.C., Figueiredo, L.F.S., Rocha, G.S., Junior, J.S.M., Oliveira, J.S.D., Barboza, R. S., Kieling, A.C., & Neto, J.C.M. 2025. Characterization and failure analysis of solder joints in ball grid array (BGA) components using cross-section, dye and pry, and microstructural etching techniques. *Materials Research* 28(Suppl. 1): e20250211.
- Pan, L., Che, F., Ong, Y.C., Yu, W., & Ng, H.W. 2025. Key insights into design for reliability of 3D NAND packages in solid-state drive. In *2025 IEEE 27th Electronics Packaging Technology Conference (EPTC)*: 1-4.
- Putala, J., Nousiainen, O., Coyle, R., Jaskari, M., Siponkoski, T., Jääskeläinen, J., Raumanni, J., Hagberg, J., & Myllymäki, S. 2026. Reliability study of Sn3Ag0.5Cu solder joints in QFN/PCB assemblies. *Microelectronics Reliability* 180: 116091.
- Qasaimeh, Q., Liu, J., Silva, D.F., Qasaimeh, A., Evans, J.L., & Hamasha, S. 2026. Interpretable data-driven framework for life prediction of homogenous lead-free solder joints in ball grid array packages. *Journal of Intelligent Manufacturing* 37: 659-677.
- Rahman, S., & Khan, T.A. 2026. Energy Storage Systems for AI Data Centers: A Review of Technologies, Characteristics, and Applicability. *Energies* 19(3): 634.
- Ramu, K., Selvam, M., Ramachandran, M., RajKumar, S. 2023. A review on solid state drives transformer concept: A new era in power supply. *Electrical and Automation Engineering* 2(1): 104-110.
- Raquibuzzaman, M., Milenkovic, A., & Ray, B. 2022. EXPRESS: Exploiting Energy-Accuracy Tradeoffs in 3D NAND Flash Memory for Energy-Efficient Storage.

*Electronics* 11(3): 424.

- Razzaq, M.A., Meilunas, M., Cao, X.A., Wilcox, J., & Ramini, A. 2025. Thermal fatigue behaviors of BGA packages with an optimized solder joint layout. *Electronics* 14:2286.
- Reddy, V., Ume, I., Williamson, J. & Sitaraman, S. 2021. Evaluation of the quality of BGA solder balls in FCBGA packages subjected to thermal cycling reliability test using laser ultrasonic inspection technique. *IEEE Transactions on Components, Packaging and Manufacturing Technology* 11(4): 589-597.
- Robertson, M., Chen-Williams, S., & Tremblay, D. 2026. Effect of solder joint quality on long-term reliability of lead-free interconnections. *International Journal of Electronics and Microcircuits* 6(1): 7-12.
- Shin, I. 2024. Leveraging Static and Dynamic Wear Leveling to Prolong the Lifespan of Solid-State Drives. *Applied Sciences* 14(18): 8186.
- SNIA. 2024. SSD form factors. <https://www.snia.org/forums/cmsi/knowledge/formfactors>. [Diakses pada 1 Julai 2025].
- Suhaimi, A., Omar, G., & Asmah, M.T. 2024. Correlation between surface texturing on pre-plated leadframe and delamination phenomenon in automotive packaging. *IJNeaM* 15(3): 197-206.
- Suthar, H. & Sharma, P. 2024. An investigation on file carving tool methodologies using scenario based image creation. *Indian Journal of Science and Technology* 17(3): 215-227.
- Thukral, V., Van Soestbergen, M., Zaal, J.J.M., Roucou, R., Rongen, R.T.H., van Driel, W.D., & Zhang, G.Q. 2022. Board level vibration test method of components for automotive electronics: State-of-the-art approaches and challenges. *Microelectronics Reliability* 139: 114830.
- Tian, W., Li, F., He, M., Ji, H., & Chen, S. 2025. Reliability Analysis of Complex PCB Assemblies Under Temperature Cycling and Random Vibration. *Micromachines* 16(2): 212.
- Tung, H.-P. & Ling, M. H. 2026. Unified accelerated life testing for one-shot devices with Weibull lifetime distributions. *IEEE Transactions on Reliability* 75: 171-180.
- Varga, D., Szabó, P. J., & Szlancsik, A. 2025. 3D X-ray microscopy and mechanical analysis of thermal cycling-induced degradation in solder joints. 182: 110102.
- Wang, Y., Hu, J., Zhang, S. & Chen, X. 2024. Cyclic stress accelerated life test method for mechatronic products. *Qual Reliab Eng Int.* 40: 1672-1684.

- Xu, L. 2023. Flash storage technology status and development research. *Journal of Physics: Conference Series* 2649: 012046.
- Yang, L., Xu, G., Yan, H., Chen, C., Su, L., Li, K., & Li, W. 2026. Large-area metal sinter-joining in power electronics packaging: Challenges and perspectives. *Journal of Materials Chemistry C* 14(9): 3414-3426.
- Yeom, J., Elsener, H.R., Burgdorf, T., Bischoff, R., Jeurgens, L.P.H., & Janczak-Rusch, J. 2025. Degradation of high reliability lead-free solder joints under harsh thermal cycling test. *Microelectronics Reliability* 173: 115868.
- Yu, A., Cui, H., & Zheng, Y. 2026. Review of Main Life Prediction Models for Solder Joints in Electronic Devices. *Engineering Research Express* 8(13): 132401.
- Yu, W., Che, F.X., Ong, Y.C., Pan, L., & Cheong, W.G. 2024. Study on substrate copper pad crack through experiment and simulation. *2024 IEEE 26th Electronics Packaging Technology Conference (EPTC)*: 956-961.
- Zambelli, C. & R. 2026. Addressing the cross-temperature issue in 3-D NAND flash memories: Characterization and mitigation for solid-state drives. *IEEE Design & Test* 43(1): 30-40.
- Zhang, Y., Heimler, P., Abuogo, J.O., Zhang, X., Zhang, Y., Xie, D., Zhang, Y., Zhang, K., Li, X., Luo, H., Schmidt, R., Blaabjerg, F., Wang, H., & Basler, T. 2026. Power cycling testing for power semiconductor switches: Methods, standards, limitations, and outlooks. *IEEE Transactions on Power Electronics*, 41(1), 849-869.
- Zhang, Z., Gorbunova, A., Rhew, K., & Shi, J. 2025. A review of prognostics methods for electronic packages: From a structure-aware system-level perspective. *IEEE Transactions on Reliability* 74(3): 4116–4130.
- Zhao, Z.-H., Gao, L.-Y., & Liu, Z.-Q. 2025. Review of Enhancement Cu–Cu direct bonding technology in advanced packaging. *Nanotechnology* 36(26): 262001.
- Zhou, S., Ma, K., Cai, Z., Liu, S., Xiang, J., & Ma, C. 2025. Research on the Evaluation Method of Electrical Stress Limit Capability Based on Reliability Theory. *Electronics* 14(15): 3056.
- Zhou, S., Ma, K., Wu, Y., Liu, P., Hu, X., Nie, G., Ren, Y., Qiu, B., Cai, N., Xu, S., & Wang, H. 2023. Survey of Reliability Research on 3D Packaged Memory. *Electronics* 12(12): 2709.

**LAMPIRAN A****SENARAI PENERBITAN****JURNAL**

Basiron, E., Ismail, A.A., Jalar, A., Bakar, M.A. & Ahmad, A. 2025. Board level-component solder joints normalized crack severity index of solid-state drive with different reliability temperature cycle test profiles. *IEEE Transactions on Device and Materials Reliability* 25(3): 473-480.

